

29 MAR 1998

LEAD Mahathir-Pendatang

TIADA PENCABULAN UNDANG-UNDANG DALAM PENGHANTARAN PULANG PATI, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia tidak mencabuli sebarang undang-undang apabila menghantar pulang pendatang tanpa izin Indonesia.

Perdana Menteri berkata Malaysia terpaksa menghantar pulang para pendatang tanpa izin Indonesia kerana negara tidak dapat lagi menanggung mereka.

"Apa yang saya tahu, tiada pencabulan (undang-undang)...kami menghantar mereka pulang dan kami tidak dapat menanggung mereka lagi," katanya mengulas laporan asing yang mendakwa Malaysia telah mencabuli undang-undang antarabangsa apabila menghantar pulang pendatang tanpa izin Indonesia terutamanya dari Aceh, yang dikatakan mencari perlindungan politik di Malaysia.

Dr Mahathir memberitahu pemberita demikian selepas melancarkan Ekspedisi Terjun Bebas Kutub Utara di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Sungai Besi, di sini.

Ketika ditanya sama ada beliau membincangkan dengan Naib Presiden Indonesia B.J Habibie, yang dalam rangka lawatan ke Malaysia, mengenai kemungkinan Malaysia dan Indonesia menanggung bersama kos menghantar pulang pendatang tanpa izin Indonesia, Dr Mahathir berkata: " Tidak, beliau tidak memberitahu saya apa-apa pun mengenai perkara ini ... dia hint (kias) lain, dia proposed (cadang) lain."

Semalam, Habibie berkata kerajaan Indonesia bersedia membayar 50 peratus daripada perbelanjaan yang ditanggung Malaysia dalam menjaga pendatang tanpa izin Indonesia.

Ketika ditanya sama ada selama ini Malaysia terpaksa menanggung kos itu, Dr Mahathir berkata : " Apa yang saya tahu, saya mungkin silap, kita yang kena belanja, dia guna kapal dia."

Terdahulu, ketika bercakap kepada pemberita selepas menerima kunjungan Habibie di Sri Perdana, Dr Mahathir berkata Indonesia bersetuju dengan penghantaran pulang pendatang asing tanpa izin dari negara itu, yang memasuki Malaysia secara haram.

"Kita telah mendapat persetujuan daripada pemerintah Indonesia supaya kita menghantar balik (pendatang yang ditahan di depot tahanan sementara)," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan seorang wartawan Indonesia mengenai penyelesaian terbaik yang dipersetujui oleh kedua-dua negara.

Dr Mahathir berkata beliau sedih kerana berlakunya rusuhan di Depot Tahanan Sementara Imigresen di Semenyih Jumaat lepas yang mengakibatkan seorang anggota polis Malaysia terbunuh dalam usaha meleraikan rusuhan itu.

"Kita harap perkara semacam ini tidak berlaku lagi," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia dan Indonesia menghadapi masalah yang sama, justeru itu harus saling memahami pendirian dan analisis yang dibuat masing-masing.

"Jika ada cara atau pendekatan untuk mengatasi masalah ini haruslah kita buat bersama," kata beliau.

Mengenai Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di London dari 2 hingga 4 April, yang akan dihadapinya, Dr Mahathir berkata beliau membincangkan perkara itu dengan Canselor Jerman, Helmut Kohl semasa beliau berada di Hannover baru-baru ini.

Kohl menyarankan supaya masalah orang hanyut itu dibangkitkan pada

mesyuarat Asem dan untuk itu, Malaysia perlu mengetahui pendirian Indonesia kerana sebagai jiran, apa jua yang berlaku di Indonesia akan memberi kesan kepada Malaysis.

Dr Mahathir juga berkata bahawa Asean dan rakan dialognya dari Jepun, Korea Selatan dan China dijangka bertemu di London dan mencapai "sesuatu yang sama" mengenai perkara berkaitan ekonomi.

Asean dianggotai oleh Malaysia, Singapura, Brunei, Indonesia, Thailand, Filipina, Vietnam, Myanmar dan Laos.

Habibie pula berkata perbincangannya dengan Perdana Menteri bertumpu kepada usaha untuk meningkatkan kerjasama dua hala dan mengatasi masalah sejagat.

Habibie kemudian berlepas ke London untuk menghadiri Asem. -- BERNAMA
ARA MNY NAK